

Salbiah

6. Harian (M)
dijugur

22 JUN 1988

SALBIAH Salleh menjadi pesilat tunggal tersingkir lebih awal daripada skuad silat kebangsaan apabila gagal mengekalkan kejuaraan di Kejuaraan Tertutup Johor di Muar, minggu lalu.

Dia kalah di separuh akhir kepada juara baru Kelas B, Laili Abdul Majid dari Pontian yang dipilih mewakili Johor ke Kejuaraan Kebangsaan di Port Dickson pada 28 Julai hingga 2 Ogos.

Pengurus pasukan kebangsaan, Haji Shafie Abdul Rahman, berkata Salbiah gugur secara automatik daripada skuad kebangsaan berikutan tidak dipilih mewakili Johor.

Menurut beliau, keputusan itu didasarkan kepada ketetapan Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) yang hanya menerima juara dan naib juara kejohanan kebangsaan.

"Saya terkejut dengan berita kekalahan Salbiah. Bagaimanapun, dia kalah kepada pesilat lebih baik," ujarnya.

Sementara itu, Salbiah berkata kekalahan itu disebabkan kurang latihan sekalipun sempat mengikuti latihan peringkat pertama selama tiga hari.

Di Muar, Majlis Silat Daerah Johor Bahru muncul sebagai juara keseluruhan Kejuaraan silat Tertutup Johor di Dewan Jubli Intan, kelmarin apabila memenangi lima pingat emas.

Pesilat India, Jayaretnam Muniandi turut membantu pasukan itu mengutip pingat emas Kelas G dan akan mewakili Johor ke kejohanan kebangsaan.

Manakala Majlis Silat Daerah Muar, menjuarai bahagian silat seni.

Pesilat Johor Bahru, Azalina Kassim menjuarai Kelas C dan adalah muka baru bersama Laili Abdul Majid.

Silat Kebangsaan:

6. Harian (M)
Tiga piala
utama jadi
rebutan

23 JUN 1988

TIGA piala utama akan dijadikan rebutan pada Kejuaraan Seni Silat Kebangsaan yang akan berlangsung selama seminggu mulai 27 Julai ini di Port Dickson.

Presiden Majlis Silat Negeri Sembilan (Masenis) Ishak Hassan berkata, ketiga-tiga piala pusingan itu ialah Piala Perdana Menteri untuk Johan Keseluruhan, Piala Menteri Belia dan Sukan untuk Pesilat Terbaik, Piala Menteri Kebudayaan dan Pelancongan untuk Juara Kumpulan.

Selain itu sebuah lagi piala pusingan dijangka diadakan untuk Pesilat Harapan, katanya pada sidang akhbar di Seremban semalam.

Ishak berkata, kira-kira 400 pesilat daripada 17 pasukan dari seluruh negara dijangka mengambil bahagian dalam kejuaraan itu yang diadakan sempena Pesta Port Dickson yang akan berlangsung dari 23 Julai hingga 7 Ogos.

Kejuaraan itu akan berlangsung di dua gelanggang -- Dewan Tan Sri Sani di km. 7.2 Port Dickson, sebagai gelanggang utama, dan Dewan Sekolah Tinggi Port Dickson.

Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan akan merasmikan kejuaraan itu pada 29 Julai di Dewan Tan Sri Sani.

Bellau menambah, kejuaraan itu penting sebagai persediaan untuk Sukan SEA di Kuala Lumpur tahun depan. Acara silat juga mungkin diperkenalkan di Sukan Asia di Beijing pada 1990. — Bernama.